

Belasungkawa

Perginya pemimpin merendahkan diri

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Pemergian Tun Abdullah Ahmad Badawi malam tadi pada usia 85 tahun membawa khabar duka kepada seluruh negara.

Selepas bertarung dengan penyakit demensia, Perdana Menteri kelima Malaysia itu menghembuskan nafas terakhir pada jam 7.10 malam di Institut Jantung Negara (IJN).

Mesra dengan panggilan Pak Lah, Abdullah dikenang sebagai seorang pemimpin yang merendah diri, sederhana dan lemah lembut dalam setiap tindakan serta percakapannya. Namun, sikap itu tidak menghalang beliau daripada menjadi tegas, terutama dalam membasmu rasuah dan mahu pentadbirannya telus dan berintegriti.

Dikenali sebagai Bapa Pembangunan Modal Insan, Abdullah ialah pelopor dan pengasas kepada satu konsep baharu dalam pembangunan negara berasaskan kepada kekuatan pembangunan modal insan.

Sepanjang tempoh pentadbirannya sebagai Perdana Menteri antara 2003 hingga 2009, pembangunan modal insan sentiasa diberi penekanan utama untuk membangunkan serta menambah nilai keupayaan rakyat Malaysia.

Beliau memperkenalkan konsep Islam Hadhari, yang memberi fokus kepada peningkatan pembangunan dan mutu kehidupan sesebuah masyarakat secara keseluruhan, dengan memberi penekanan kepada penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang dan pembangunan modal insan.

"Jangan bekerja untuk saya, tetapi mari bekerja bersama-sama saya" adalah antara ucapan keramatnya ketika mula diangkat sebagai Perdana Menteri.

Beliau mahu setiap golongan rakyat bekerja bersama beliau untuk membangunkan negara.

Dengan moto 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang' ketika pentadbirannya, komitmen beliau amat tinggi untuk melahirkan pentadbiran yang jujur, efisien, Islamik dan peka kepada nasib penduduk luar bandar dan wilayah.

Abdullah tekad memerangi rasuah. Beliau meminta pegawai kerajaan tidak menerima rasuah dalam usaha menghapuskan gejala itu dan rasuah juga diisytiharkan sebagai musuh nombor satu di bawah kepemimpinannya.

Abdullah dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau ialah anak sulung daripada empat beradik, kepada pasangan Ahmad Abdullah Fa-



him (lebih dikenali sebagai Ahmad Badawi) dan Datuk Khailan Hassan.

Cucu Sheikh Abdullah Fahim
Beliau ialah cucu kepada Sheikh Abdullah Fahim, seorang ahli falak yang mencadangkan tarikh kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 kepada Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman.

Abdullah menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Permatang Bertam, Kepala Batas dan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Daeratul Maarifil Al-Wataniah, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Sekolah Lelaki Methodist Pulau Pinang, sebelum meneruskan pengajian di Universiti Malaya (UM) dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Pengajian Islam pada 1964.

Allahyarham menyertai sektor perkhidmatan awam sebagai Penolong Setiausaha di Jabatan Perkhidmatan Awam pada 1964. Pada 1969, beliau bertukar ke Majlis Gerakan Negara (MAGERAN), yang ditubuhkan selepas rusuhan kaum pada Mei 1969.

Beliau dinaikkan pangkat menjadi Ketua Pengarah Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebelum menjadi Timbalan Ketua Setiausaha di kementerian yang sama pada 1974.

Abdullah menyertai UMNO pada 1964. Beliau mula bergerak aktif dalam arena politik selepas menjadi Ahli Parlimen Kepala Batas pada 1978.

Pada 1978, Abdullah dilantik sebagai Setiausaha Parlimen di Kementerian Wilayah Persekutuan dan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Menteri di kementerian pada 1980. Beliau ke-

mudian mula memegang jawatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1981 - 1984); Kementerian Pendidikan (1984 - 1986); Kementerian Pertahanan (1986-1987) dan Kementerian Luar Negeri (1991 - 1999).

Beliau memegang jawatan Naib Presiden UMNO pada 1984, 1987, 1990 dan dipilih semula untuk jawatan itu pada 1996. Pada 1999, Abdullah terus diberi kepercayaan apabila Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad melantik beliau menjadi timbalannya dan Timbalan Presiden UMNO. Ketika itu juga, beliau ialah Menteri Dalam Negeri dan Timbalan Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Abdullah dilantik menjadi Perdana Menteri kelima pada 31 Oktober 2003 dan menerajui negara selama enam tahun. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Mac 2009, beliau membuat keputusan untuk tidak mempertahankan kedudukan sebagai Presiden yang seterusnya menarik diri daripada menjadi Perdana Menteri.

Abdullah kemudian digantikan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak yang menjadi Perdana Menteri pada 2 April 2009.

Abdullah mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Endon Mahmood pada 1965 dan dikurniakan dua cahaya mata, Datuk Kamaluddin serta Nori. Pada 20 Oktober 2005, Endon meninggal dunia akibat kanser payudara. Abdullah, kemudian berkahwin dengan Tun Jeanne Abdullah pada 9 Jun 2007.

Selepas tidak lagi menjawat jawatan Perdana Menteri, Abdullah sudah tidak lagi membatik diri dalam bidang politik.

